

11/01/2005

Sukan-Tabung (Tun Mahathir)

TUN MAHATHIR AKAN MEMANDU UNTUK TUJUAN KEBAJIKAN DI SIC AHAD INI

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri, yang juga penggerak utama sukan permotoran negara, Tun Dr Mahathir Mohamad akan menjadi `pemandu' kepada sembilan pembida bertuah dalam satu acara khas bagi mengutip derma untuk mangsa tsunami di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) Ahad ini.

Pada acara sumbangan derma Racers United bagi Tabung Mangsa Tsunami itu, sembilan pembida tertinggi bagi memperolehi peluang menaiki Porsche Cayenne yang dipandu oleh Dr Mahathir, akan dibawa beliau meninjau sekeliling litar Formula Satu sepanjang 5.543km berkenaan.

"Antara aktiviti yang akan diadakan dalam majlis pada hari Ahad ini adalah pemanduan mengelilingi litar, dan Tun Dr Mahathir telah bersetuju untuk memandu beberapa tetamu atas nama kebajikan," kata Pengurus besar SIC, Ahmad Mustafa.

Tun Dr Mahathir akan memandu Porsche Cayenne mengelilingi litar itu sebanyak tiga pusingan dengan membawa `penumpangnya'.

Untuk acara mengelilingi litar itu, orang ramai akan dikenakan bayaran minima RM50, dan sembilan pembida tertinggi akan mengelilingi litar itu dengan menaiki kenderaan yang dipandu Dr Mahathir.

SIC menjangka pelbagai kereta sport akan mengambil bahagian, untuk memberi peluang kepada orang ramai menaiki antara kereta paling laju di dunia.

"Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Tun Dr Mahathir kerana menyokong acara ini, di mana semua hasil akan disalurkan kepada Tabung Bencana Tsunami Asia. Ini termasuk elaun yang dijanjikan oleh para marshal," tambah Ahmad.

Acara itu akan menjadi acara lanjutan program lumba pada hari Ahad ini di mana penunggang motosikal akan dapat menggunakan trek bagi sesi pagi dari pukul 9 dan pemandu kereta mengambil giliran mereka pada sesi tengah hari dari pukul 2 petang.

Dr Mahathir akan memandu di litar itu pada pukul 4 petang. Majlis penyampaian cek akan diadakan pada pukul 4.30 petang di Perdana Suite.

Pelumba akan dikenakan bayaran RM70 bagi motosikal bawah 250cc dan RM100 bagi atas 250cc untuk sesi tiga jam, dan pemandu kereta pula akan dikenakan bayaran RM150 setiap pemandu.

Sepanjang tempoh antara kedua-dua acara lumba itu akan diadakan aktiviti khas seperti lawatan berpandu ke litar, pengalaman berlumba di litar, pertunjukkan kemahiran memandu dan cabutan bertuah.

"Kami telah menjemput pelumba handalan Malaysia seperti Karamjit Singh, Alex Yoong, Shahrol Yuzy, dan semua pelumba Merdeka Millennium Endurance dan pesaing Malaysian Super Series serta mereka yang sering datang untuk program lumba Ahad kami," katanya.

"Majlis itu juga dibuka kepada semua peminat dan lebih banyak derma yang bakal diperolehi, adalah lebih baik lagi," katanya.

-- BERNAMA  
ZUZ ISA AZH